



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 September 2020**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Unjam beri manfaat 300 nelayan</li><li>• Bekas lombong 110 hektar jadi kolam ikan</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tukar bekas lombong jadi kolam ikan</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bekas lombong jadi kolam ikan</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Do you know about tilapia fish</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Dateline</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernamea</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sin Chew Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	10/9/20

UM M/S 29 10/9/2020

# Unjam beri manfaat 300 nelayan

Oleh SAFINA RAMLI  
utusannews@medianews.com.my

**BAYAN LEPAS:** Lebih 300 nelayan bakal menerima manfaat menerusi unjam yang dilabuhkan di perairan Teluk Kumbar di sini bertujuan meningkatkan populasi ikan sekali gus merancakkan ekonomi nelayan setempat.

Penasarab Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata,

pembinaan laman unit unjam di kawasan itu dijangka meningkatkan pendapatan nelayan sehingga 15 peratus pada bulan pertama dilabuhkan.

Tambahnya, program pembinaan unjam itu merupakan inisiatif pihaknya dengan kerjasama My Komuniti Perikanan (myKP) Teluk Kumbar di bawah Program Bantuan Touch Point 2020.

"Unjam adalah kawasan

yang menjadi tumpuan utama nelayan kerana kawasan ini kaya dengan plankton serta menjadi tumpuan ikan pelagik yang kecil dan kemudiannya akan menarik perhatian spesies ikan besar seperti tenggiri untuk berada berdekatan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Noraisyah, pihaknya mendapati tapak berhampiran perairan Teluk Kumbar

paling sesuai dilabuhkan unjam kerana kedalaman air di kawasan itu sekitar 16 meter.

Selain itu, tambahnya, kawasan itu juga berdekatan dengan tukan tiruan yang pernah dilabuhkan Jabatan Perikanan pada tahun-tahun sebelum.

Jelas beliau, sebanyak RM15,000 telah diperuntukkan untuk bantuan tersebut dan unjam yang dilabuhkan pada program itu menggunakan daun

kelapa dan buluh yang diikat pada gelang konkrit.

"Sebanyak 30

gelang konkrit digunakan dan ia berfungsi sebagai pemberat manakala buluh sebagai penanda unjam," katanya.

Noraisyah berkata, Ahli myKP Teluk Kumbar dilantik untuk menjaga dan memantau keadaan unjam berkaitan dari semasa ke semasa agar sentiasa dalam keadaan baik dan dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada nelayan.

Sementara itu, ahli myKP Teluk Kumbar, Rosnizan Ramli berkata, komuniti nelayan menyambut baik usaha Jabatan Perikanan tersebut dan akan bersama-sama menjaga tapak unjam berkenaan.

**SEBAGIAN** nelayan melabuhkan unjam ikan yang diperbuat daripada daun kelapa dan buluh serta diikat pada gelang konkrit ke dalam laut di perairan Teluk Kumbar, Pulau Pinang.  
**- UTUSAN/AMIR IHSYAD OMAR**



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		32	10/9/20

UM M/S 32 10/9/20

## Bekas lombong 110 hektar jadi kolam ikan

**IPOH:** Kerajaan negeri akan memajukan kawasan bekas lombong seluas 110 hektar di Kinta dan Kampar dengan projek perikanan bandar.

Projek tersebut akan diusahakan oleh 11 komuniti nelayan. Kawasan-kawasan terlibat ialah bekas lombong di Kampung Changkat Tin, Makam Teja dan Kampung Redang Sawa yang terletak di Kinta manakala beberapa kawasan seperti Taman Aman dan Malim Nawar di Kampar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan negeri, Datuk Abdul Yunus Jamhari memberitahu, peruntukan RM1.7 juta disediakan bagi menjayakan

program yang dijangka bermula Oktober ini.

Menurut beliau, inisiatif bersama Jabatan Perikanan itu akan melibatkan penyertaan penduduk setempat seperti golongan berpendapatan rendah B40 dan mereka yang hilang pekerjaan disebabkan Covid-19.

"Ini juga bagi memenuhi permintaan ikan air tawar yang sangat baik di kawasan bandar terutamanya di Kinta dengan jumlah penduduk hampir 900,000 orang.

"Ikan-ikan yang ditenak pula adalah jenis digemari ramai dan mengikut selera orang bandar seperti ikan tilapia merah, patin, jelawat, lampam dan lain-lain spesies yang bernilai

tinggi," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Ketika ini seluas 2,250 hektar kolam bekas lombong telah dibangunkan untuk penternakan ikan dengan nilai ekonomi yang dicatatkan pada tahun lalu ialah kira-kira RM122 juta.

Mengulas lanjut, Abdul Yunus berkata, kawasan kolam bekas lombong itu juga akan diwartakan sebagai kawasan perairan umum yang akan memberi manfaat kepada nelayan darat untuk menambah hasil tangkapan.

"Selain itu kolam-kolam bekas lombong ini boleh dimajukan dengan aktiviti perikanan rekreasi dan agropelancongan sebagai tarikan," katanya.



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	15	10/9/20	

KOSMO M/S 15 10/9/2020

## Tukar bekas lombong jadi kolam ikan

**IPOH** - Kawasan bekas lombong seluas 110 hektar di Kinta dan Kampar akan dimanfaatkan oleh kerajaan negeri Perak untuk dimajukan bagi projek perikanan bandar yang akan diusahakan oleh 11 komuniti nelayan setempat tidak lama lagi.

Kawasan berkenaan meliputi Kampung Changkat Tin, Makam Teja dan Kampung Redang Sawa yang kesemuanya terletak di Kinta, manakala lokasi di Kampar adalah Taman Aman dan Malim Nawar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamhari berkata, peruntukan sebanyak RM1.7 juta telah disediakan bagi menjayakan program itu yang dijangka dimulakan Oktober ini.

Kata beliau, inisiatif berkenaan merupakan usaha kerajaan negeri bersama Jabatan Perikanan negeri Perak melibatkan penyertaan penduduk setempat seperti golongan B40 dan mereka yang hilang pekerjaan disebabkan pandemik Covid-19.

"Bagi memenuhi permintaan ikan air tawar yang sangat baik di kawasan bandar terutamanya di Kinta dengan jumlah pen-



**ABDUL YUNUS (kanan) dan Zaki** pada sidang akhbar bagi pelaksanaan Projek Perikanan Bandar di Bangunan Perak Darul Ridzuan semalam.

duduk hampir 900,000 orang.

"Ikan-ikan yang ditenak pula adalah jenis yang digemari ramai dan mengikut selera orang bandar seperti ikan tilapia merah, patin, jelawat, lampam dan lain-lain jenis yang bernilai tinggi," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Jabatan Perikanan negeri Perak, Zaki Mokri.

Ketika ini seluas 2,250 hektar kolam bekas lombong telah dibangunkan untuk penternakan ikan dengan nilai ekonomi yang dicatatkan pada tahun lalu ialah kira-kira RM122 juta.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		24
								10/9/20

# Bekas lombong jadi kolam ikan

84 M/S 24 10/9/2020



Abdul Yunus (dua dari kanan) menerima kertas cadangan Projek Perikanan Bandar daripada Zaid pada sidang akhbar di Bangunan Perak Darul Ridzuan semalam.

Sebanyak 110 hektar kawasan kolam bekas lombong di Kinta dan Kampar dibangunkan sebagai Projek Perikanan Bandar

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

**K**erajaan negeri Perak telah mengenali pasti kawasan kolam bekas lombong seluas 110 hektar di dua daerah untuk diwartakan sebagai kawasan perairan umum untuk nelayan darat dan pembangunan akuakultur.

Exco Pertanian, Perikanan, Perlindungan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri berkata, kawasan kolam bekas lombong di daerah Kinta dan Kampar itu akan dibangunkan sebagai Projek Perikanan Bandar melibatkan peruntukan RM1.7 juta yang diluluskan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Negeri Perak (PRE2) seperti diumumkan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu semalam ini.

Menurutnya, peruntukan tersebut melibatkan kos pembersihan bekas lombong, bekalan benih ikan, makanan ikan dan stok penyimpanan ikan yang akan memberi manfaat kepada 10 ketua isi rumah nelayan darat.

"Projek Perikanan Bandar ini akan diusahakan oleh 11 komuniti nelayan serempak yang dipilih oleh Jabatan Perikanan Perak. Ia bertujuan bagi memenuhi permintaan ikan makan di kawasan bandar terutama di daerah Kinta yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi.

"Saya akan mengangkat kertas cadangan ini kepada kerajaan negeri untuk diluluskan dalam masa terdekat agar ia dapat dilaksanakan segera dan kita jangkakan sebelum hujung tahun ini," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Bilik Mesyuarat G1, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini semalam.

Hadir sama pada sidang akhbar itu, Pengarah Perikanan Perak, Zaki Mokri.

Abdul Yunus berkata, sebanyak 11 kawasan kolam bekas lombong tersebut ialah Kampung Changkat Tin Tanjung Tualan seluas empat hektar, PPRT Changkat Tin Tanjung Tualang seluas lapan hektar, Taman Aman Kampar (16 hektar), RPA Malim Nawar Kampar (16 hektar), Makam Teja, Kota Bahru (12 hektar) Kampung Redang Sawa 1 (Lombong A), Gopeng (13 hektar) Kampung Redang Sawa 1 (Lombong B), Gopeng (10 hektar), Kampung Changkat Legong, Gopeng (10 hektar), Bakap 4, Batu Gajah (7.5 hektar), Kampung Changkat Bendera (Lombong A), Kinta (3.5 hektar) dan Kampung Changkat Bendera (Lombong B), Kinta (sembilan hektar).

Abdul Yunus berkata, benih-benih ikan seperti tilapia merah, patin, jelawat, lampam dan lain-lain spesies bermutu tinggi akan dilepaskan ke kolam-kolam bekas lombong yang diwartakan tersebut dari semasa ke semasa bagi menambah stok ikan sedia ada di dalam kolam berkenaan.

"Di samping itu, kolam-kolam bekas lombong yang telah diwartakan juga boleh dibangunkan dengan aktiviti perikanan rekreasi sebagai tarikan kepada kaki pancing.

"Dengan perkembangan perikanan rekreasi, aktiviti agrotourism juga akan dapat berkembang dengan pembangunan kawasan pelancongan berkonsepkan perikanan bandar termasuk pembinaan restoran terapung," katanya.

Dalam pada ini, beliau berkata, tahun lalu, sebanyak 520 metrik tan ikan dengan nilai RM3.4 juta telah didaratkan oleh nelayan darat melalui kolam bekas lombong di negeri ini membabitkan 512 nelayan darat seluruh Perak.

Bagi penternakan ikan di kawasan kolam bekas lombong pula, Abdul Yunus berkata, sehingga kini seluas 2,250 hektar telah dibangunkan untuk penternakan air tawar di negeri ini dengan sebanyak 25,000 metrik tan ikan bernilai RM122 juta dihasilkan pada tahun 2019.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	✓	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		14	10/9/20	

## DO YOU KNOW ...

### about tilapia fish?

- Tilapia is one of the few species of fish that can be traced back to the Egyptian and even Biblical times in the Sea of Galilee.

- Tilapia is not native to Malaysia. The Mozambique tilapia (*O. mossambicus*) was introduced to the country as food during World War II by the Japanese. This fish was brought in from Indonesia.

- Tilapia is the **fourth** most consumed fish in the US and farmed extensively in China, Egypt, Philippines, Indonesia, Thailand and Brazil. China produces about **50%** of the world's supply.

- Tilapia are ideal for farming because the species can reproduce quickly, eat anything, live in overcrowded environments and in any type of water conditions.

- In the **70s**, this fish, known as the poor man's fish, was a common sight in the local wet and night market.

- Red tilapia, a hybrid species introduced in Malaysia in the early **1980s**, is the second-largest local farm fish produced after catfish.

- Also known as aquatic chicken, tilapia is the second-most farm-raised fish in the world after carp.

- This fish is a good source of protein, nutrients and essential fatty acids. It has a higher amount of omega-3 fatty acids compared with chicken, pork or beef.